

BM TAHUN 5 BERSAMA CIKGU SAIDAH	
NAMA :	
Latihan muka surat 59. Karangan Imajinatif. Tarik nombor pada jawapan	
Selain itu, tuan aku juga mestilah bertanggungjawab terhadap penjagaan kesihatanku. Diriku mestilah selalu diselenggara secara berkala. Hal ini untuk memastikan tiada komponen diriku yang rosak. Selain itu, tuanku juga mestilah memastikan suis kecemasanku dapat berfungsi dengan baik.	
Aku amat gembira kerana dapat berbakti kepada orang ramai. Aku berharap agar dapat terus berkhidmat kepada masyarakat dan pengguna dapat menghargai diriku.	
Adalah menjadi tanggungjawab pengguna supaya aku sentiasa selamat digunakan. Selain itu, pengguna juga mestilah sentiasa mematuhi panduan penggunaan aku. Gunalah diriku dengan berhemah dan tidak merosakkannya. Jika aku rosak, aku tidak dapat membantu pengguna bergerak dari aras ke aras.	
Aku dilengkapi alat keselamatan supaya pengguna sentiasa selamat menggunakan aku. Di badan aku, ada suis kecemasan yang akan digunakan apabila berlaku kecemasan, ketika pengguna menggunakan aku. Di badan aku juga, mempunyai pengesan automatik. Alat ini digunakan bagi mengesan kemalangan atau kerosakan pada diriku. Di tepi badan aku, ditampal pula maklumat keselamatan untuk panduan pengguna.	
Aku ialah sebuah eskalator. Aku diperbuat daripada besi. Diriku bermotor dan berantai bagi menggerakkan badanku. Aku boleh bergerak dari aras ke aras. Diriku memudahkan pengguna terutama warga emas, wanita mengandung dan kanak-kanak	

- Diperbuat daripada besi - Bermotor dan berantai - Bergerak dari aras ke aras - Memudahkan pengguna	
- Dilengkapi alat keselamatan - Suis kecemasan - Pengesan automatik - Maklumat keselamatan	
- Tanggungjawab pengguna - Patuhi panduan penggunaan - Guna dengan berhemahnya - Tidak merosakkannya	
- Tanggungjawab pemilik - Penyenggaraan berkala - Tiada komponen rosak - Suis kecemasan berfungsi	
- Gembira berbakti - Terus berkhidmat - Hargai kemudahan	